



*Sukarelawan Perikanan menjumpai saluran paip membuang sisa toksid dipercayai dari sebuah kilang ayam ke Sungai Bernam.*

# Sungai Bernam terus dicemari sisa buangan

■ Saluran paip ladang ternakan ayam dipasang ke sungai

Oleh Rosman Shamsudin

bhnews@bh.com.my

► Tanjung Malim

**N**elayan Sungai Bernam di sini berang kerana saliran terbabit terus menjadi sasaran pihak tidak bertanggungjawab menyalur-

kan sisa larangan hingga menyebabkan kematian ikan dan hidupan airnya.

Kejadian terbaru dipercayai berlaku petang Ahad lalu dan disedari nelayan sungai serta Sukarelawan Perikanan (SUPER) Muallim keesokan paginya.

Ahli SUPER Muallim, Shahrin Shamsudin, berkata pencema-

ran sungai dikesan berlaku di antara Kampung Kelawar hingga Kampung Sungai Selisik, yang bersempadan dengan Selangor.

Katanya, tinjauan mendapati kejadian berpunca daripada saluran paip ladang ternakan ayam yang dipasang untuk menyalurkan sisa buangan.